

**Tingkat kawalan di hospital rawat Pengerusi MyWatch, kata Anwar  
Malaysian Insider  
July 29 , 2013  
OLEH MD IZWAN**

Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa polis mempertingkatkan kawalan keselamatan terhadap hospital yang menempatkan Pengerusi MyWatch, R Sri Sanjeevan yang parah ditembak Sabtu lalu.

Ketua Umum PKR itu, berkata ia termasuk memperketat kawalan di wad Sanjeevan berikutan maklum balas mereka yang melawat mangsa menyatakan, kawalan longgar.

"Saya gesa supaya kawalan ketat diberi kepada Sanjeevan bagi mengelak insiden buruk daripada berlaku," katanya pada sidang media di ibu pejabat PKR, hari ini.

Beliau tidak menolak kemungkinan kejadian tembakan itu ada kaitan langsung dengan hasrat untuk mendedahkan penglibatan pegawai polis dengan sindiket jenayah dan kegiatan haram.

"PKR juga menuntut pendedahan Sanjeevan berkaitan penglibatan anggota PDRM dengan sindiket jenayah dan kegiatan haram disiasat dan bawa ke muka pengadilan," katanya.

Anwar turut mempersoal keseriusan polis dalam menangani kes ugutan membabitkan Sanjeevan kerana ia bukan pertama kali Pengerusi MyWatch itu diserang.

"Beliau sebelum ini menerima ancaman pada 11 April 2013 apabila diserang empat lelaki bersenjata parang di sebuah hotel di Kuala Lumpur. Beberapa minggu lalu diekori lelaki mencurigakan di Terminal LCCT, Sepang.

"Walaupun banyak aduan terhadap keselamatannya, mengapa tiada tindakan atau siasatan dibuat?" katanya sambil bimbang dengan kes tembakan ala mafia yang menjadi-jadi kebelakangan ini.

"Kekerapan kes bunuh secara tembakan ala mafia antara lain menjadikan penjawat awam sebagai mangsa sangat membimbangkan," katanya.

Tiga bulan lalu, Timbalan Ketua Pengarah Kastam, Datuk Shaharuddin Ibrahim mati ditembak secara tembakan ala mafia itu.

Shanjeevan pula parah ditembak dua lelaki Sabtu lalu ketika memandu kereta BMW kelabu.

Keadaannya stabil dan kini dirawat Hospital Besar Kuala Pilah.

Sebelum kejadian, Sanjeevan ada menerima ancaman bunuh berikutan tweet beliau terhadap Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar. - 29 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/tingkat-kawalan-di-hospital-rawat-pengerusi-mywatch-kata-anwar>

